

30/12/1998

Pekerja ladang minta campur tangan PM

KUALA LUMPUR, Selasa - Jawatankuasa Sokongan Masyarakat Ladang yang mendakwa mewakili kepentingan lebih 5,000 pekerja ladang di seluruh negara, hari ini meminta Perdana Menteri campur tangan dalam isu gaji bulanan pekerja terbabit.

Jurucakapnya, A Sivarajan berkata, pihaknya mahu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi arahan jelas supaya kementerian terbabit menyelesaikan isu berkenaan.

Menurutnya, isu gaji bulanan pekerja ladang itu bermula pada 1996, tetapi sehingga kini belum diselesaikan.

Antara tuntutan mereka ialah mahukan gaji bulanan pekerja diselaraskan, menuntut faedah persaraan bernilai RM1,000 setahun, bonus serta penetapan kadar kenaikan gaji tahunan.

(END)